

Bahagian A

1. Antara berikut, kerajaan manakah yang menggunakan gelaran sultan?

I Perlis
II Kedah
III Kelantan
IV Negeri Sembilan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SP 6.3.3 TP2

2. Sultan atau raja merupakan hierarki tertinggi dalam pemerintahan beraja yang bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam dan merupakan

SP 6.3.3 TP2

A ketua tentera
B lambang perpaduan rakyat
C golongan yang menentang jajahan
D perantaraan antara rakyat dan pemerintah

3. Gambar berikut menunjukkan istiadat penganugerahan bintang dan darjah kebesaran oleh sultan.

SP 6.3.3 TP2



Apakah tujuan istiadat tersebut?

A Majlis penggantian raja
B Mengiktiraf kedaulatan raja
C Memaklumkan rakyat berkenaan kedaulatan raja
D Menganugerahkan darjah kebesaran kepada sultan dan rakyat yang berjasa

4. Antara berikut, yang manakah syarat pengganti sultan dalam undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah dan Kelantan?

I Lelaki
II Warganegara
III Berumur 21 tahun
IV Berketurunan raja

SP 6.3.3 TP2

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Apakah kisah *Syair Sultan Maulana* yang dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II?

A Perang tentera Kedah
B Pengasasan kerajaan Perlis
C Pengasasan kerajaan Kelantan
D Maklumat jurai pemerintah Kedah


SP 6.3.3 TP2

6. Karya persuratan manakah yang mencatatkan sejarah pengasasan kerajaan Kelantan?

SP 6.3.3 TP2

A Hikayat Seri Kelantan
B Detik2 Sejarah Kelantan
C Hikayat Merong Mahawangsa
D Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah

7. Gambar berikut adalah contoh seni ukir yang bermotifkan alam. **SP 6.3.3 TP2**



Apakah nilai yang diperoleh daripada warisan tersebut?

- A Kreatif
 - B Kegigihan
 - C Keberanian
 - D Kebijaksanaan
8. Apakah kesan sekiranya seseorang wanita dalam Adat Perpatih berkahwin sesama suku? **SP 6.3.4 TP2**
- A Perlu bersumpah taat setia
 - B Hilang hak mewarisi pusaka
 - C Terputus hubungan persaudaraan
 - D Hilang hak menyandang jawatan dalam adat

9. Maklumat berikut berkaitan dengan hierarki sistem pemerintahan Adat Perpatih. **SP 6.3.4 TP2**



Bagaimanakah cara pemilihan bagi hierarki tersebut?

- A Pilihan raya
 - B Hasil permuafakatan
 - C Ditentukan oleh pembesar
 - D Mendapat perkenan sultan
10. Antara berikut, yang manakah peranan Lembaga? **SP 6.3.4 TP2**
- I Sebagai ketua negeri dan suku
 - II Lambang kesatuan dan persekutuan
 - III Menjaga keamanan dan keselamatan
 - IV Menyelesaikan pertelingkahan antara suku
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV